



# IPT perlu bantu majukan Melayu

Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar bertitah agar pihak institut pengajian tinggi (IPT) perlu meningkatkan usaha bagi membantu memajukan orang-orang Melayu dalam pendidikan dan ekonomi sehingga ke peringkat antarabangsa.

Titah tuanku, meskipun keutamaan diberikan kepada orang-orang Melayu, namun ia tidak bermakna kepentingan bagi bangsa-bangsa yang lain diabaikan.

Tuanku bertitah, pengurusan IPT perlu mempertingkatkan usaha melalui penyelidikan, perundingan dan khidmat kemasyrakatan bagi menyokong usaha kerajaan negeri untuk pemuliharaan alam semula jadi.

“Saya yakin pihak pengurusan IPT sentiasa bersedia dan mampu berperanan untuk meningkatkan kemakmuran serta kesejahteraan rakyat di negeri ini

“Begitu juga dengan usaha untuk meningkatkan kepesatan pembangunan ekonomi Johor serta memperkukuh keharmonian dan perpaduan yang sedia ada,” titahnya yang juga Canselor Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) semasa Majlis Konvokesyen UTHM Ke-13, di Dewan Sultan Ibrahim, UTHM, baru-baru ini.



Sultan Ibrahim menyampaikan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah kepada Gabenor Daerah Istimewa Jogjakarta, Sri Sultan Hamengku Buwono X.